

m

B

m



EDISI KHAS MPAT73

<http://www.belia.org.my>

Bil. 09 / 2025



Reach Out MBD & Community perkasa belia dan komuniti

KUALA LUMPUR 12 Sep - Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan telah menggerakkan program Reach Out Majlis Belia Daerah (MBD) & Community.

Majlis pelancaran dan flag-off disempurnakan YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan semasa pembukaan Majlis Perundingan Belia Negara 2024 di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras.

Reach Out Majlis Belia Daerah (MBD) & Community ini menampilkan penglibatan belia dari seluruh negara bertujuan memperkasakan komuniti melalui pelbagai aktiviti termasuk perkongsian

inspirasi daripada ikon belia, aktiviti kemasyarakatan serta program santai seperti 'Cucur & Kopi'. Lebih 30 MBD di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dijelajah bermula dengan destinasi pertama di Pantai Timur pada 13 September 2024.

Sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif ini, Chery Malaysia telah menyumbangkan secara pinjaman empat (4) unit SUV TIGGO 7 & 8 Pro untuk kegunaan konvoi MBM menjelajah seluruh Malaysia untuk menyantuni pelbagai kelompok belia di akar umbi.

Tajaan ini merupakan sebahagian daripada

da tanggungjawab sosial korporat (CSR) Chery yang komited dalam memacu perubahan positif dalam kalangan belia dan masyarakat.

Terima kasih juga kepada Projek Belia Mahir kerana turut bersama sebagai rakan strategik rasmi dalam menjadi penghubung utama dalam usaha merealisasikan tajaan rasmi ini.

Reach Out MBD & Community berlangsung dari 13 September hingga 9 November 2024 dengan sasaran penyertaan seramai 5,000 orang belia di seluruh negara.

> berita selanjutnya



Muka 5

'Dialogika Daerah'
- Konvensyen
Belia Nasional



Muka 10

Belia Malaysia
wamai World Youth
Festival



Muka 7

Bengkel Transisi
Kepimpinan Belia
2025



Muka 18

Townhall
Belanjawan 2025
Apa Belia Mahu?



Muka 16

Smartsstart 2.0 Pra
Perkahwinan



Muka 16

Perkhemahan
Muhibah Belia
semai perpaduan

Redaksi

Penaung
YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

Penasihat
Mohd Izzat Afifi Hj Abdul Hamid
Presiden Majlis Belia Malaysia

Ketua Editor
Hasnul Haniff Harun
Setiausaha Agung

Editor I
Fazril Mohd Saleh
Ketua Penerangan
merangkap;
Pengerusi Biro Penerangan,
Penerbitan dan Media

Editor II
Syafiq Ridzwan Jamaludin
Penolong Ketua Penerangan
merangkap;
Timbalan Pengerusi Biro Penerangan,
Penerbitan dan Media

Buletin MBM diterbitkan oleh
Biro Penerangan, Penerbitan
Media MBM

Editor mengalu-alukan sebarang
pandangan, idea dan sumbangan
artikel/berita untuk disiarkan.
Hantarkan kepada:

Editor Buletin MBM
Emel: mbmsua@gmail.com

Alamat:
Wisma Majlis Belia Malaysia
No.1, Jalan Tasik Permaisuri 2
Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur

☎ 03 9173 2761/63

☎ 03 9173 2759/64

📡 www.belia.org.my

✉ mbm@belia.org.my

🐦 @BeliaMBM

📘 Majlis Belia Malaysia

📷 @beliambm



Mempersiapkan penerus legasi kepimpinan belia

Hasnul Haniff Harun
Setiausaha Agung /
Ketua Editor
E-mel : mbmsua@gmail.com

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syukur kehadiran Allah S.W.T di atas keizinanNya kita dapat bersama lagi dalam terbitan Buletin MBM Edisi Khas sempena Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan (MPAT) MBM kali ke-73.

Seperti kita semua sedia maklum, MPAT ini bukan sekadar pertemuan tahunan malah fokus utama adalah untuk kita muhasabah dan menilai kembali segala perancangan dan hala tuju badan induk pergerakan belia ini dan gabungannya secara keseluruhan.

MPAT kali ini juga merupakan tahun pemilihan di mana barisan ahli jawatankuasa yang baru akan dibentuk bagi meneruskan legasi kepimpinan sesi seterusnya.

Ia juga merupakan 'moment' penting sebelum pelaksanaan Akta 668 [Pindaan] yang menguatkuasakan umur belia di bawah 30 tahun menjelang Januari 2026.

Sudah pasti selepas tarikh tersebut, landskap pergerakan belia tanah air akan berubah sepenuhnya. Justeru, menjadi tanggungjawab kita sebagai 'batch' terakhir sebelum pelaksanaan Akta ini bagi memastikan adik-adik kita kelak mampu memikul tanggungjawab ini.

Sesungguhnya amanah ini merupakan satu tanggungjawab berat untuk dipikul tidak lain selain memastikan generasi muda berada di landasan betul dan tidak tercicir dalam arus pembangunan negara.

MBM juga sudah meletakkan Visi MBM 2048 (Ke arah 100 tahun MBM) sebagai batu asas dan pelan strategik dalam pembangunan belia berteraskan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030)

Tentunya hasrat ini harus didokong oleh semua pemenang taruh belia khususnya rakan kongsi pembangunan belia MBM iaitu Kementerian Belia dan Sukan.



MINDA PRESIDEN

“**Kebersamaan kita ini telah mencipta satu gelombang baharu yang bukan sahaja di peringkat Malaysia tetapi di seantero dunia.**”

▶ **Izzat Afifi Abd Hamid**
Presiden MBM



Selamat Tahun Baharu 2025: ‘Tumbuh Lebih Baik’

Selamat Tahun Baharu 2025 saya ucapkan kepada Saudara-Saudari penggerak belia sekalian.

Semestinya banyak momen-momen penting yang telah kita lalui sebagai badan induk pertubuhan belia Malaysia pada tahun lalu.

Ya, 2025 ini bermakna umur Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menginjak 77 tahun yang menjadikan kita sebagai salah sebuah-pertubuhan belia terbesar dan tertua di dunia.

2024 telah memperlihatkan bagaimana kebersamaan kita dalam membawa agenda belia tidak kira daripada penggerak di Kuala Perlis mahupun penggerak yang berada di pedalaman Daro di Sarawak.

Kebersamaan kita ini telah mencipta satu gelombang baharu yang bukan sahaja di peringkat Malaysia, tetapi di seantero dunia.

Banyak lagi yang ingin kita teroka dan laksanakan pada tahun 2025 ini khususnya dalam memateri agenda pengkaderan kepimpinan belia di peringkat akar umbi selain tugas besar MBM dalam merancang program-program sempena Kepengerusian ASEAN 2025.

Memimpin sebuah pertubuhan belia prolifik seperti MBM ini bukanlah tugas mudah, terpikul di bahu ini segalas amanah berat untuk dilaksanakan demi memastikan generasi penerus tidak suram malah terus mekar dan menyumbang bakti kepada negara.

Cabaran lebih getir tentunya memastikan penyerahan baton kepimpinan belia kelak apabila berkuatkuasanya pelaksanaan Akta 668 di mana belia berusia di bawah 30 tahun berlangsung dengan lancar dan memastikan mereka mampu meneruskan legasi kepimpinan ini.

Rakan-Rakan Penggerak belia sekalian, ingat, kebersamaan ini akan membuatkan kita untuk tumbuh lebih baik dan terus #menggerakbelia!

Sekali lagi,
Selamat Tahun Baharu 2025!

“Reach Out ini boleh dikatakan ‘complimentary’ kepada KJOM untuk kita santuni belia luar bandar yang tidak dicapai”



ZON WILAYAH Kuala Lumpur



ZON WILAYAH Putrajaya



PENAJA RASMI PENGANGKUTAN

30

Majlis Belia Negeri & Majlis Belia Daerah terlibat

Sep Dis

Tempoh pelaksanaan

3,630

Penyertaan belia akar umbi

MBM dekati belia melalui Jelajah Reach Out Community

KUALA LUMPUR - Majlis Belia Malaysia (MBM) selesai menganjurkan jelajah ‘Reach Out Majlis Belia Daerah (MBD) & Community’ bermula Ogos di Kelantan dan berakhir Disember (Kangar, Perlis) sebagai inisiatif mendekati belia akar umbi dan masyarakat selain memberikan penerangan khusus berkaitan isu semasa kepada golongan belia.

Presiden MBM, Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid berkata jelajah ini diadakan di sekurang-kurangnya 50 daerah di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Jelajah ini turut mengambilkira input dan dapatan serta memberikan penjelasan tentang pindaan had umur belia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

“MBM juga berterima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana memberikan sokongan dana bagi menjayakan program ini”. “Insya-Allah, dana ini akan digunakan untuk kepimpinan MBM mendapatkan input pembangunan yang dihasratkan oleh belia agar selari dengan Visi MBM 2048,” katanya

Program Reach Out menampilkan penglibatan belia akar umbi di seluruh negara bertujuan memperkasakan komuniti melalui pelbagai aktiviti dibawah Rakan Muda dalam segmen Rakan Ekspresi.

Penganjurannya merupakan kerjasama daripada MBM, KBS dan rakan strategik Chery Malaysia dan Projek Belia Mahir.



ZON TIMUR Dungun



ZON WILAYAH Labuan



ZON SELATAN Johor Bahru

'Dialogika Daerah' sempena Konvensyen Belia Nasional 2024

KUALA LUMPUR 24 Feb - Sempena Konvensyen Belia Nasional 2024, satu sesi 'Dialogika Daerah' bersama YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah diadakan di Vivatel Kuala Lumpur.

Dialog ini memberi ruang pimpinan belia khususnya di peringkat akar umbi (Majlis Belia Daerah) menyampaikan secara terus luahan dan hasrat mereka.

YB Timbalan Menteri menyambut baik inisiatif MBM ini dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap segala isu dan cadangan yang diutarakan.

Sesi dihoskan oleh Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sdr. Mohd Izzat Affi Abdul Hamid.



Salah seorang peserta mengemukakan soalan kepada YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan dalam program ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha KBSMalaysia, Dr. Nagulendran Kangayatkarasu; Ketua Pengarah JBSNegara, Tuan Mohd Azhari Mohammad; Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Belia, Dr. Zainah Shariff; Pendaftar Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia, Encik Hasnata Hasan.

Saya menyambut baik inisiatif MBM ini dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap segala isu dan cadangan yang diutarakan

Adam Adli Abd Halim
Timbalan Menteri Belia dan Sukan



MPBN cadang kerajaan perkenal Pelan Tindakan Mitigasi Banjir Holistik

KUALA LUMPUR 11 Dis - Majlis Perundangan Belia Negara (MPBN) Sidang III Penggal 34 sesi 2023-2024 yang dihadiri seramai 142 orang telah selamat bersidang dengan jayanya di Pusat Belia Antarabangsa.

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan hadir merasmikan seterusnya mempengerusikan persidangan.

Sebanyak tiga usul diangkat dan dibahaskan oleh ahli persidangan iaitu isu banjir, dadah dan e-sport. Ekoran situasi semasa negara, MPBN juga mengambil ketetapan agar kerajaan memperkenalkan pelan tindakan mitigasi bencana banjir yang holistik dan bersepadu.

Termaktub di bawah Akta 668, MPBN merupakan sesi libat urus dan persidangan intelektual melibatkan pemimpin pertubuhan belia negeri dan kebangsaan dengan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan.

YB Menteri turut memaklumkan hasil persidangan kali ini akan dijadikan sebagai nota Jemaah Menteri untuk diangkat oleh kementerian-kementerian berkaitan.



MBM terima Sijil Penarafan 5 Bintang

KUALA LUMPUR 11 Dis - Majlis Belia Malaysia telah menerima Sijil Penarafan 5 Bintang Kementerian Belia dan Sukan. Sijil tersebut disampaikan YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan kepada Timbalan Presiden MBM, Sdr. Mohd Fairoos Rusli di akhir persidangan Majlis Perundangan Belia Negara.



Hari Belia Negara di Melaka tampil 10 segmen gaya hidup Rakan Muda

BANDA HILIR 25 Mei – Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan 2024 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim di Dataran Pahlawan, Banda Hilir di sini.

Perdana Menteri dalam ucapannya mengingatkan golongan belia mempunyai tanggungjawab menimba ilmu.

‘Anak muda itu dikenali bukan kerana suaranya tetapi cita-cita

murni dan idealisme benci kepada perkara negatif seperti rasuah dan sebagainya’, ujar beliau.

Perdana Menteri turut meminta MBM dan Badan gabungannya bergerak bersama Kementerian Belia dan Sukan dalam menjayakan agenda pembangunan belia berteraskan Rakan Muda.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat

Kebangsaan Tahun 2024.

Perdana Menteri turut mengumumkan tambahan lagi RM3 juta menerusi Rakan Muda bagi pelaksanaan lebih banyak program-program belia.

Tahniah kepada semua pemenang Anugerah.

HBN 2024 dirangka khusus bagi memastikan semua segmen anak muda mempunyai ruang untuk berekspresi serta dihargai.



Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan khususnya YB Menteri dan Timbalan Menteri, Sekretariat Sambutan HBN 2024, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Sekretariat Rakan Muda, radio rasmi RAKITA, Jabatan Belia dan Sukan Melaka, Badan-badan Gabungan MBM serta semua pasukan yang telah bertungkus-lumus menjayakan sambutan pada tahun ini.

Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Melaka yang sudi menjadi tuan rumah sambutan pada kali ini. Kita jumpa lagi edisi Sambutan Hari Belia Negara 2025!





Bengkel Transisi Kepimpinan Belia 2025

IPOH 30 Okt - Majlis Belia Malaysia (MBM) melalui Jawatankuasa Latihan dan Kepimpinan telah melaksanakan Bengkel Transisi Kepimpinan Belia 2025 selama dua hari di Hotel Tower Regency.

Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Sdr. Hasnul Haniff Harun, Setiausaha Agung MBM dan dibantu oleh Sdr. Matt Ngai, Exco MBM merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Latihan dan Kepimpinan.

Bengkel ini bertujuan membincangkan siap siaga program kepimpinan dan pemilihan modul yang sesuai yang akan dilaksanakan secara 3 fasa dalam mendepani penguatkuasaan Akta Belia 668 yang akan berkuatkuasa pada Januari 2026.

Cik Atiqah Syahirah, Setiausaha Politik kepada Menteri Pendidikan hadir menyempurnakan majlis penutup Bengkel.



Bengkel Pemurnian Perlembagaan Pertubuhan Belia

Komitmen setiap peringkat persatuan belia amat penting bagi memastikan proses transisi 2026 akan berjalan lancar

BATAM 9 Nov - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan Bengkel Pemurnian Perlembagaan Pertubuhan Belia bersama Majlis Belia Negeri (MBN) bertempat di M One Hotel & Eskafe, Harbour Bay Terminal Batam.

Perbincangan ini dipengerusikan Sdr. Muhammad Fadzli Hasan, Pengerusi Tetap MBM.

Bengkel ini amat penting dalam menyelaraskan Perlembagaan setiap peringkat (MBM-MBN-MBD) yang bertujuan melancarkan lagi proses pelan transisi had umur belia yang akan dilaksanakan pada 2026.

Bagi memastikan perlembagaan pertubuhan belia dapat digubal secara inklusif, kata sepakat daripada setiap pemimpin MBM dan MBN amat penting bagi membentuk suara kolektif dalam memudah cara proses pemurnian terutama di peringkat akar umbi.

Turut dikongsikan adalah berkaitan program-program transisi yang telah diatur antaranya penglibatan MBM.





Pertemuan dan Dialog Ketua Pengarah JBSN bersama Dewan Tertinggi MBM

Langkah perkukuh hubungan antara MBM dan JBSN

KUALA LUMPUR 10 Dis - Buat julung kalinya satu sesi pertemuan dan dialog di antara Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara Bersama Dewan Tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) telah diadakan di Komune Living & Wellness, Bandar Tun Razak.

Sesi dialog ini menjadi platform terbaik buat MBM dan Jabatan Belia dan Sukan Negara memperkukuhkan hubungan dan fokus dalam memperkasa pembangunan belia negara.

"Menjadi hasrat saya agar hubungan JBSN-MBM terus diperkukuh dan dipertingkatkan demi pembangunan

belia lebih-lebih lagi menjelang pelaksanaan Akta 668 pada 2026 nanti", ujar Puan Azura.

Sesi ini dikendalikan oleh Pengerusi Tetap MBM, Sdr. Muhammad Fadzli Hasan di samping Presiden MBM, Sdr. Mohd Izzat Affi Abdul Hamid.

Menjadi hasrat saya agar hubungan JBSN-MBM terus diperkukuh dan dipertingkatkan demi pembangunan belia

Azura Abidin
Ketua Pengarah Jabatan Belia & Sukan Negara

Turut hadir Dr. Zainah Shariff, Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan Belia JBSNegera; Encik Mohd Uzaini Mohamad Sani, Pengarah Cawangan Pembangunan Sosial, Bahagian Pembangunan Belia JBSNegera; Encik Hasnata Hasan, Pendaftar Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY); Pengarah-Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta barisan kepimpinan dan ahli-ahli gabungan MBM seluruhnya.





Majlis Tayangan Perdana Dokumentari Jubli Intan MBM

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Selesai sudah Majlis Tayangan Perdana Dokumentari Jubli Intan Majlis Belia Malaysia (MBM) yang berlangsung di Menara Affin@TRX.

Majlis dirasmikan TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Tetamu yang hadir dihidangkan tayangan video diselangseli dengan monolog, persembahan artis dan tarian.

Presiden MBM, Sdr. Mohd Izzat Affi Abdul Hamid dalam ucapannya berkata "doku-

mentari Jubli Intan MBM ini hadir sebagai satu catatan visual penting bagaimana penggerak pertubuhan belia terlibat secara langsung dalam pembentukan paksi sebuah negara yang bernama Malaysia".

Turut diadakan pelancaran program Jelajah "Reach Out Community" MBM dengan kerjasama KBSMalaysia melalui Majlis Belia Daerah (MBD) di bawah Segmen Rakan Muda Ekspresi.

Hadir sama Ketua Setiausaha

Kementerian Belia dan Sukan, Ts Dr. Nagulendran Kangayatkarasu; Encik Mohammad Fairuz Mohd Radi, Pengarah Eksekutif Kumpulan Komuniti Perbankan AFFIN; mantan-mantan Presiden dan kepimpinan MBM, Badan-badan Gabungan; wakil Kedutaan; mahasiswa dan aktivis belia.

Terima kasih kepada semua penyokong dan pendokong pergerakan belia selama ini. Sesungguhnya anda sebahagian dari sejarah yang telah tercipta hari ini.

DOKUMENTARI Jubli Intan MBM ini hadir sebagai satu catatan visual penting bagaimana penggerak pertubuhan belia terlibat secara langsung dalam pembentukan paksi sebuah negara yang bernama Malaysia.



Izzat Affi
Presiden Majlis Belia Malaysia



Presiden MBM ketika menyampaikan ucapan di hadapan tetamu yang hadir menyaksikan Tayangan Perdana Dokumentari Jubli Intan MBM di Auditorium Menara AFFIN @TRX. Penggunaan auditorium ini ditaja sepenuhnya oleh pihak Menara AFFIN.





MBM bawa 63 belia Malaysia ke World Youth Festival di Sochi, Rusia

WYF satu langkah penting dalam membina hubungan kukuh di kalangan belia dari pelbagai negara

SOCHI, RUSIA - Mac 2024, mata dunia tertumpu pada acara antarabangsa yang berprestij iaitu "World Youth Festival 2024" yang berlangsung dari 1-7 Mac 2024.

Inisiatif ini diusahakan oleh Pejabat Perdana Menteri Rusia dan mengambil masa selama setahun untuk dibangunkan. Festival ini dianggap sebagai acara terbesar belia di seluruh dunia melibatkan lebih 30,000 belia daripada 188 negara di seluruh dunia. Peserta ini telah ditapis mengikut sistem yang telah ditetapkan dan dipilih melalui proses yang kompetitif.

Kehadiran belia-belia ini ke bumi Rusia dibawa oleh Primorsky Krai, individu yang bertanggungjawab sebagai region angkat Malaysia yang menaja peserta-peserta ini.

Mengetuai delegasi Malaysia ke WYF, Sdr. Mohd Izzat Afifi, Presiden MBM bersama 63 orang belia yang terdiri daripada pemimpin, ahli badan gabungan MBM dan mahasiswa. Delegasi ini di bawah kelolaan MBM dengan sokongan Kerajaan Malaysia.

Terdahulu di Parlimen, YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan YB Adam Adli Abdul Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkesempatan menyantuni delegasi ini.

Festival ini menyajikan lebih 800 sub-program yang berjalan secara serentak di sekitar Sochi. Antara tajuk dan tema yang di bawa adalah ekonomi dunia, kesenian, sukan, kebudayaan,



pendidikan, sains dan lain-lain.

Delegasi Malaysia tidak melepaskan peluang dengan menyertai program-program yang dianjurkan secara aktif. Antara program yang disertai adalah upacara pembukaan yang dirasmikan oleh Presiden Rusia, Vladimir Putin, melalui rakaman.

Delegasi Malaysia turut berpakaiannya lengkap tradisional bagi menzahirkan rasa cinta negara dan semangat patriotik di bumi Rusia. Tidak dilupakan juga, delegasi Malaysia berpeluang untuk menyertai

'March of Peace', di mana Malaysia dan 188 negara lain turut berjalan bersama sebagai tanda solidariti. Delegasi Malaysia telah mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu



patriotik yang bergema di sepanjang perarakan tersebut.

Pada kesempatan ini, MBM turut mengadakan mesyuarat bilateral bagi mengukuhkan hubungan diplomatik di antara negara seperti Nepal, Vietnam, Republik Azerbaijan dan lain-lain.

Delegasi Malaysia turut menghadiri program ASEAN-Russia Young Diplomat Summit bagi membuka ruang untuk perbincangan diplomatik dan haluan hubungan antara-bangsa di antara negara.

Memandangkan unsur kesenian merupakan antara elemen penting di Festival ini, Malaysia telah diberi peluang untuk memamerkan budaya dan tradisi Malaysia di hadapan khalayak ramai terutamanya semasa acara penutupan yang dihadiri secara fizikal oleh Presiden Rusia, Vladimir Putin.

Oleh yang demikian, World Youth Festival 2024 menandakan satu langkah yang penting dalam membina hubungan yang kukuh di kalangan belia dari pelbagai negara selain pengalaman tidak ternilai kepada belia Malaysia yang hadir.

Selepas selesai program utama di Sochi, peserta-peserta terpilih meneruskan program 'Regional' di mana mereka dibawa mengenali budaya dan adat resam masyarakat di beberapa daerah di Rusia seperti Tatarstan, Kilinigrad, St Petersburg, Kazan, Cremia dan lain-lain.



Lawatan kerja MBM ke Yunnan, China

Platform kongsi aspirasi dan kejayaan China bersama belia

YUNNAN - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan lawatan kerja ke Yunnan, China sempena dengan Ulangtahun ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia – China. Lawatan kerja anjuran Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia dan MBM ini berlangsung pada 25 hingga 30 November 2024.

Lawatan Kerja ini melibatkan Ahli Jawatankuasa kerja MBM, Ahli Dewan Tertinggi MBM Pegawai Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan jumlah seramai 38 orang.

Sepanjang lawatan kerja ini, deligasi MBM yang diketuai Presiden, Mohd Izzat Afifi Hj. Abd. Hamid telah dibawa ke beberapa intitusi kemahiran dan organisasi yang menjadi



Rakyat Yunnan dan Presiden Rakyat Yunnan, Mr. Yang Shaocheng. Selain itu, pertemuan bersama Pengerusi Yunnan Youth Federation, Mr. Haoming Wang turut Berjaya diadakan.

Deligasi MBM juga turut berkesempatan melakukan kunjungan hormat ke Yunnan Provincial Islamic Association dan melawat tempat bersejarah seperti Zheng He (Laksmana Cheng Ho) Memorial Hall.



nadi pendidikan serta ekonomi penduduk daerah Yunnan. Antaranya adalah Yunnan Vocational College and Transportation (YVTC), Yun Tianhua Huajiangpu Co. Ltd. dan Yunnan Youth Entrepreneurship Park.

Selain itu, deligasi MBM juga disambut meriah dan penuh kebudayaan Malaysia oleh pelajar serta pensyarah yang mengambil jurusan Bahasa Melayu dari Yunnan Minzu University.

Beberapa siri pertemuan juga berjaya dilakukan sepanjang lawatan kerja ini, antaranya pertemuan bersama General Konsulat Malaysia di Kunming, Tuan Muhamad Akmal Abdul Wahab dan Ketua Pengarah Pejabat Hal Ehwal Luar Kerajaan





Tertubuh dan termeterai

Kelab Persahabatan Malaysia - Primorsky Krai.

DARI 23 - 29 September 2024, Eurasia Global Forum ke-9 telah berlangsung di Orenburg, Russia. Forum pertama kali dianjurkan pada 2016 ini menjadi platform penting dalam membina kerjasama antara belia dari seluruh dunia.

Delegasi Malaysia diketuai Sdr. Dhanesh Basil, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Antarabangsa Majlis Belia Malaysia (MBM) hadir ke forum ini dengan misi menubuhkan Kelab Persahabatan Malaysia - Primorsky Krai.

Untuk rekod, Primorsky Krai adalah satu-satunya wilayah di Rusia yang ditugaskan menjaga dan menaja peserta Malaysia secara rasmi semasa World Youth Festival 2024 yang diadakan pada Mac 2024.

Mengikut garis masa yang ditetapkan Pengarah WYF, Daniil Bislinger, setiap negara perlu mengeratkan hubungan rasmi dengan wilayah yang terlibat melalui penubuhan Kelab Persahabatan atau 'Friendship Club'. Sepanjang minggu forum ini, delegasi Malaysia terlibat dalam libat urus untuk menyusun piagam Kelab Persahabatan dan merangka beberapa program strategik.

Dengan penuh rasa bangga, kami mengumumkan bahawa Malaysia kini secara rasmi telah berjaya menubuhkan Kelab Persahabatan Malaysia - Primorsky Krai (Vladivostok). Wakil belia Primorsky Krai, Daniil, menyatakan bahawa kedua-dua Malaysia dan wilayah tersebut berkongsi simbol penting-harimau. Vladivostok terkenal dengan populasi terbesar "Harimau Siberia" (Amur Tiger), yang juga pernah disumbangkan kepada Malaysia dalam usaha melestarikan "Harimau Malaya". Melalui persamaan ini, beberapa program kerjasama telah dirangka dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Sebagai simbolik perasmian hubungan ini, sebuah buku bertajuk "Anwar Ibrahim: Tenacious in Dissent, Hopeful in Power" telah dihadiahkan kepada wakil Primorsky Krai, melambangkan ikatan persahabatan antara kedua-dua belia negara.

Ucapan terima kasih kami tujukan kepada Darya, wakil penganjur dari Direktorat World Youth Festival, yang telah bertanggungjawab menguruskan delegasi daripada Asia sejak penganjuran Mac lalu. Spasiba!

INFOGRAFIK HASIL JALINAN KERJASAMA & HUBUNGAN DIPLOMASI MBM - RUSIA

2022

2023

2024



Delegasi belia Malaysia menyertai OIC Youth Capital anjuran bersama ICYF dan Ministry of Youth Affairs Republic of Tartarstan pada Ogos 2022 di Kazan. Aktiviti termasuk pembentangan kertas kerja, perbincangan dua hala, youth volunteer day dan lawatan ke beberapa institusi kesukarelawanan. Beberapa MoU juga ditandatangani antara MBM dan Academy of Youth Diplomacy Kazan berkaitan program pertukaran belia dan kerjasama.



MBM menghantar belia Malaysia berumur bawah 16 tahun menyertai Friends International Youth Camp anjuran Government of the Republic of Tartarstan dan the All-Russian Public-State Movement of Children and Youth "Movement of the First" di Kazan pada 19-29 Ogos 2023.



M e m o r a n d u m Persefahaman (MoU) di antara MBM dan All-Russian Public State Movement of Children and Youth, Movement of the First ditandatangani pada 22 Ogos 2023. MoU bertujuan mengeratkan kerjasama antara Malaysia dan Rusia melalui program-program pembangunan belia kedua-dua negara.



Menghantar delegasi terbesar MBM seramai 52 orang belia ke World Youth Festival pada 1-7 Mac 2024.



Menubuhkan dan melantik Perwakilan Tetap MBM yang akan mewakili MBM di Rusia.



M e m u k t a m a d k a n program-program bersama antara Malaysia dan Rusia sepanjang tahun 2024.



Memulakan perbincangan kerjasama kursus jangka pendek dalam bidang TVET bagi belia Malaysia ke Rusia.



'Bilateral Meeting' bersama Majlis Belia Azerbaijan, Majlis Belia Nepal, Majlis Belia Kazakhstan, Majlis Belia Rusia, Agensi Belia Rusia dan Kesatuan Belia Ho Chi Minh, Vietnam


**7TH MALAYSIA INTERNATIONAL
YOUTH EXCHANGE 2024**


Jambatan budaya, kukuhkan ikatan belia antara negara ASEAN

KUALA LUMPUR - Buat kali ke-7, Majlis Belia Malaysia, Committee for ASEAN Youth Cooperation (CAYC) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menganjurkan Malaysia International Youth Exchange 2024 (MIYE).

MIYE ialah platform di mana belia dari pelbagai negara ASEAN berkumpul untuk berkongsi pengalaman, bertukar idea dan memupuk perpaduan. Dengan tema tahun ini, "Youth and Heritage: Celebrating Roots and Reimagining the Future" memberi tumpuan kepada 'warisan ASEAN', mempromosikan perpaduan dan kepelbagaian agama di seluruh rantau ini.

Seramai 30 orang belia dari pelbagai negara ASEAN menyertai program ini, antaranya Thailand, Brunei, Singapura, Myanmar, Vietnam, Indonesia, Filipina, Kemboja dan Timor Leste.

Peserta-peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti disusun berkaitan kebudayaan masyarakat, bangunan bersejarah, kesenian dan makanan tradisi,



keagamaan dan sebagainya yang berlangsung di Kuala Lumpur dan Melaka.

Sempena program ini juga diadakan "ASEAN Youth and Heritage Forum" yang dirasmikan oleh Tunku Zain Al-'Abidin Ilni Tuanku Muhriz, Pengerusi IDEAS. Peserta juga berkesempatan menghadiri Majlis Minum Petang Rasmi Menteri-Menteri Kebudayaan & Kesenian ASEAN ke-11 (AMCA) serta Festival Kesenian ASEAN (AFA) 2024, anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan Kerajaan Negeri Melaka yang berlangsung di Double Tree Hilton, Melaka. Program ini sempena persediaan Malaysia sebagai penerusi ASEAN 2025.



#projectunderwear: Belia dan komuniti berganding bahu bantu mangsa banjir

KUALA LUMPUR 3 Dis - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menerima kunjungan istimewa YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bagi melihat sendiri gerak kerja semasa MBM melalui Komuniti Sukarelawan Belia Malaysia (MYVOC) di bawah #projectunderwear dalam Misi Bantuan Banjir.

#projectunderwear memberi fokus kepada sumbangan berupa pakaian dalam dan tuala wanita, seluar dalam lelaki dan set ubat gigi yang akan diagihkan kepada mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan (PPS) di negeri-negeri terlibat dengan musibah ini.

YB Menteri turut teruja dengan inisiatif MBM ini dan menyatakan sokongan penuh daripada KBS di bawah inisiatif Rakan Muda - Rakan Prihatin dalam menggerakkan projek ini.

Turut serta dalam sesi kunjungan ini Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBSN) bersama beberapa pegawai dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Terima kasih kepada Lebrasse Malaysia dan Zaitun Beauty Industri Sdn Bhd kerana turut menyumbang 1,000 pek tuala wanita dan 500 ubat dan berus gigi.



Saksikan video penuh : <https://www.facebook.com/share/v/14gilrsqjc/>

Podcast *Mari Bersemuka* bersama YB ADAM ADLI

KUALA LUMPUR 19 Nov - YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah memenuhi undangan Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi sesi rakaman Podcast 'Mari Bersemuka' MBM bersama Sdr. Mohd Izzat Affi Abdul Hamid, Presiden MBM.

Antara yang disentuh dalam podcast ini ialah pelaksanaan Kembara Jumpa Orang Muda (KJOM), pelan transisi umur belia, program Reach Out Rakan Muda, kebersamaan KBS-MBM dan lain-lain.

'Setiap anak muda perlu pasang cita-cita yang tinggi dalam hidup untuk lebih berjaya', pesan beliau mengakhiri rakaman.

Usai program, YB mengambil kesempatan meninjau pejabat operasi MBM sambil ditemani Presiden dan Setiausaha Agung MBM, Sdr. Hasnul Haniff Harun.



Antara aktiviti dalam kumpulan melibatkan kepimpinan MBM dalam sesi Retreat Exco MBM

Retreat Perancangan Strategik Exco MBM

HO CHI MINH 7 Jan - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan Retreat Perancangan Strategik Ahli Jawatankuasa Kerja (Exco) MBM pada 4 hingga 7 Januari 2024.

Bengkel ini sebagai kerangka perancangan dan perbincangan gerak kerja oleh pimpinan MBM merencana program-program pembangunan belia bagi tahun 2024 agar selari dengan matlamat pihak Kementerian Belia dan Sukan mahupun kerajaan.

Program juga turut melibatkan sesi perkongsian bersama Mantan Timbalan Presiden MBM, Sdr. Mohd Zaidi Aziz dan Mantan Presiden MBM, Dr. Mohamed Maliki Mohamed Rapiee.

Pelbagai aktiviti latihan dalam kumpulan dan lawatan turut diadakan dalam bengkel ini.



SESI BERGAMBAR



AKTIVITI



PEMBENTANGAN



TAKLIMAT


VISI MBM 2048

SEBUAH DOKUMEN YANG MENGARISKAN PELAN STRATEGIK MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) BAGI MEMANTAPKAN GERAKAN PERTUBUHAN BELIA SECARA HOLISTIK, KE ARAH 100 TAHUN PENUBUHAN MBM.

Menggerak Belia!

VISI MBM 2048

- PEMERKASAAN DATARAYA PERTUBUHAN BELIA
- KEBANGSAAN & KESUKARELAAN
- KEMAJHATAN & KEMAHIRAN
- PENSTRUKTURAN HOLISTIK PERTUBUHAN BELIA
- PEMBANGUNAN EKONOMI, USAHAWAN & DIGITAL
- KENEGARAAN & PERPADUAN
- KESEHATAN & KESEJAHTERAAN HIDUP
- PENGANTARABANGSAAN



Perkhemahan Muhibbah Belia pupuk perpaduan di peringkat sekolah

NIBONG TEBAL 28 Jun - Dalam meningkatkan semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menganjurkan Perkhemahan Muhibbah Belia di Kampus Kejuruteraan USM Pulau Pinang.

Seramai 110 orang pelajar dari 11 buah sekolah menengah telah menyertai program ini dibantu 20 orang mahasiswa USM sebagai fasilitator dan urus setia.

Penganjuran program ini merupakan Inisiatif MBM dalam meningkatkan semangat perpaduan serta menyedarkan golongan belia tentang kepentingan keharmonian dalam masyarakat berbilang budaya dan agama.

Majlis penutup telah disempurnakan Cik Atiqah Syairah, Setiausaha Politik YB Menteri Pendidikan.

Turut serta Tuan Haji Abdul Said Hussain, Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Tuan Haji Mohamad Dziauddin Mat Saad, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pengurusan Sekolah.



Cik Atiqah Syairah bergambar bersama peserta-peserta program selepas majlis penutup yang berlangsung di USM Pulau Pinang.



SmartStart2.0 Pra Perkahwinan : panduan pasangan muda

KUALA LUMPUR 28 Julai - Perkahwinan bukan sekadar penyatuan dua individu, tetapi juga memerlukan persediaan mental, emosional dan spiritual yang rapi bagi membina hubungan yang harmoni.

Atas inisiatif tersebut, Majlis Belia Malaysia (MBM) bersama MoodaRise dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan Program Smartstart 2.0 Pra Perkahwinan selama dua hari di Pusat Belia Antarabangsa.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Datuk Nurul Amal Mohd Fauzi, Timbalan Pengerusi Yayasan Bank Rakyat.

Dalam ucapannya beliau berkata, "walaupun program ini nampak kecil tetapi impaknya amat berguna kepada generasi muda apabila melayari alam rumah tangga kelak".

Program ini mencakupi silibus persediaan mental, pembinaan sikap positif, alam perkahwinan, amaran siber, diet sihat, perundangan dan ekonomi rumahtangga.

Tenaga penceramah terdiri daripada Encik Muhammad Afiq Ab Latif, Penolong Pengarah, Unit Penerangan dan Pendidikan dan Encik Helman Penie, Penolong Pengarah, Unit Kaunseling Keluarga LPPKN WPKL.



SmartStart2.0 Pra Perkahwinan dilaksanakan oleh MBM melalui Biro Wanita dan Keluarga dengan kerjasama LPPKN





Generasi Madani Platform persatuan belia dekati pelajar sekolah dan universiti



KUALA LUMPUR 21 Okt - Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sdr. Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid telah menyertai sesi Perbincangan di antara Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh bersama Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek dan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Dr. Zambry Abd Kadir bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa.

Antara fokus perbincangan adalah mengenai agenda "Jom Masuk Persatuan Belia" melalui program jelajah sekolah serta kampus bagi memperkenalkan MBM kepada pelajar serta mahasiswa selain pengkaderan kepimpinan belia sebagai persediaan kepada pelaksanaan Akta had umur belia di bawah 30 tahun pada 2026. Hasil perbincangan, beberapa ketetapan

dibuat antaranya :

1. KPM bersetuju MBM dan gabungannya terlibat sebahagian daripada Program Generasi Madani yang akan dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara mulai tahun depan;
2. Semua program kepimpinan pelajar di peringkat sekolah, Kolej Vokasional, Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru akan melibatkan MBM dan badan gabungannya;
3. Menteri KPT mencadangkan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) sebagai Badan Bersekutu MBM. Ini boleh dipanjangkan juga pada MPP Universiti-Universiti di peringkat Negeri; dan

4. MBM akan terlibat dalam program KPT khususnya program-program kepimpinan dan jelajah mempromosikan MBM dan badan gabungannya.

Untuk perancangan ke hadapan, MBM akan merangka beberapa modul kepimpinan untuk IPG, KV dan Matrikulasi seterusnya bengkel kepada semua pemimpin dan badan gabungan MBM.

Ini permulaan terbaik bagi membuka lebih banyak peluang serta ruang kepada MBM dan persatuan belia mendekati belia-belia di institusi pendidikan bagi memastikan persatuan belia terus relevan dan teguh demi pembangunan negara.



Kembara Jumpa Orang Muda

PROGRAM Kembara Jumpa Orang Muda (KJOM) anjuran Kementerian Belia dan Sukan telah dilaksanakan dengan jayanya di seluruh negara. KJOM merangkumi pelbagai pengisian yang bertujuan mendekati anak muda selain mendapatkan pandangan berkaitan Pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) & Pindaan 2019 (Akta A1602) termasuklah pelan transisi kepimpinan belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir ke sesi libat urus Pelan Transisi Kepimpinan Belia.

Program ini juga memberi ruang kepada pertubuhan belia menarik anak muda untuk bersatu menerusi slot 'Jom Masuk Persatuan'.

Semoga program ini berjaya mencapai objektifnya dan memberi impak positif kepada golongan belia.

PILPRES 2024 INDONESIA

Pilpres Indonesia 2024: Anak Muda Penentu Pemenang?

KUALA LUMPUR 19 Jan - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah membawakan program bual bicara HAD Talk bertajuk Pilpres Indonesia 2024, Anak Muda Penentu Pemenang? dengan fokus mengenai Pilihan Raya Indonesia 2024. Program diadakan secara langsung di media sosial MBM serta secara fizikal di Pusat Belia Antarabangsa.

Hadir sebagai panelis dalam program tersebut, Marsha Damitha ; Partai Solidaritas Indonesia, Regina Vianney Ayudya; Partai PDI Perjuangan, Tengku Adnan ; Partai Nasdem dan Cenruang Alung; Mahasiswa Indonesia.

Sesi bual bicara ini telah dimediasikan oleh Sdr. Muhammad Syahmi Shamsudin, Ahli Jawatankuasa Antarabangsa MBM.



Seramai lebih 100 orang telah hadir menyaksikan sesi bual bicara ini, antaranya penyokong dari parti politik Indonesia, anak muda Malaysia, dan wakil parti politik Malaysia



Program ini disertai belia-belia dari pelbagai kelompok antaranya persatuan belia, majlis perwakilan pelajar universiti, institusi perguruan, komuniti e-hailing mahupun individu.

TOWNHALL Belanjawan 2025 MALAYSIA MADANI APA BELIA MAHU?

PUTRAJAYA 2 Ogos - Dalam menyediakan belanjawan yang mantap dan menyeluruh, Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah mengadakan Townhall Belanjawan 2025 Apa Belia Mahu? yang berlangsung di Bangunan Perbendaharaan di sini.

Sesi ini dihadiri Encik Muhammad Kamil Abdul Munim, Setiausaha Politik kepada YAB Menteri Kewangan.

Inisiatif ini sebagai platform kepada anak muda menyampaikan hasrat, idea dan cadangan mereka kepada kerajaan dalam merangka belanjawan yang inklusif khususnya kepada golongan belia.

Pelbagai cadangan diterima antaranya isu perumahan, insentif melibatkan kesihatan mental, percukaian serta bantuan lain untuk menceburi bidang keusahawanan.



China-Malaysia Youth Friendship Story Sharing

KUALA LUMPUR 19 Sep - Majlis Belia Malaysia (MBM) memberikan komitmen dalam memperkasakan hubungan dua hala antara Malaysia dan China melalui penyertaan aktif dalam program China-Malaysia Youth Friendship Story Sharing yang berlangsung di ibu pejabat China Communications Construction (ECRL) Solaris Dutamas.

Program ini dianjurkan sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dan juga sebagai sebahagian daripada sambutan Year of China-Malaysia Friendship.

Selain itu, wakil MBM Sdri. Jessy Ng Chor Eng dan Sdr. Matt Ngai Chee Hau turut terlibat dalam sesi perkongsian bertemakan "People-to-people Bonds", "Green Development and Youth Innovation and Entrepreneurship".

Sukan Perpaduan KBS

Sabah

KOTA KINABALU 30 Jun - Team Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) berjaya merangkul juara program Sukan Perpaduan KBSMalaysia-KBSSabah yang berlangsung selama dua hari. Program ini diuruskan oleh Persatuan Pegawai Perkhidmatan Belia dan Sukan Malaysia (MYSO).

Program selama dua hari ini disertai pegawai-pegawai dibawah jabatan dan agensi KBSMalaysia melibatkan beberapa acara sukan antaranya bola jaring, golf, boling, badminton, ping pong, bolasepak serta sukan rakyat.

Istimewa edisi kali ini, Majlis Belia Malaysia (MBM) yang diketuai Setiausaha Agungnya, Sdr. Hasnul Haniff Harun turut diundang menyertai pasukan KBSMalaysia. MBM mengucapkan terima kasih kepada KBSMalaysia atas ruang dan penglibatan MBM dalam menjayakan program ini.



Putrajaya

Penubuhan kluster NRES ambilkira peranan belia dalam perubahan iklim

PUTRAJAYA 7 Jun - Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sdr. Khairul Azman Azeez, telah mewakili MBM menerima watak pelantikan Ahli Kluster Belia Perubahan Iklim bertempat di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Majlis penyampaian watak disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Nik Nazmi Nik Ahmad.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat pertama bagi penubuhan Kluster Belia Perubahan Iklim. Sembilan organisasi belia dan tiga individu telah menerima watak pelantikan sebagai Ahli Kluster Belia Perubahan Iklim.



Seremban

MBM rai kelompok pertama penerima Pentauliah Profesionalisme Kerja Belia

SEREMBAN 12 Nov - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah hadir meraikan kelompok pertama Majlis Pentauliah Profesionalisme Kerja Belia anjuran Akademi Pembangunan Belia Malaysia Port Dickson (APBM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia di Hotel Palm Seremban.

Sijil tauliah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Puan Azura Abidin.

Majlis julung kali diadakan ini merupakan penghargaan kepada Pekerja Belia (individu yang membangunkan belia) di Malaysia yang menunjukkan dedikasi dan komitmen luar biasa dalam dunia pekerjaan dan kesukarelawan mereka dalam menyerlahkan potensi belia.

Dua orang kepimpinan MBM, Sdr. Syafiq Ridwan Jamaluddin, Penolong Ketua Penerangan MBM dan Dr. Mohd Fauzi Fadhill, Exco MBM turut menerima sijil pentauliah.

Kunjung mengadap Presiden MBM kepada Tengku Mahkota Pahang

KUANTAN 13 Dis - Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima mengadap Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sdr. Mohd Izzat Afifi Hj Abd Hamid di Istana Abdulaziz.

Dalam pertemuan ini, Presiden MBM telah menyebarkan maklum perkembangan semasa MBM dan juga undangan kepada Tengku Mahkota Pahang bagi mencemar duli menghadiri program MBM yang direncanakan.

Untuk rekod, Tengku Mahkota Pahang seorang yang dekat dengan anak muda dan kerap mencemar duli ke program-program belia khususnya di Negeri Pahang.

Inisiatif ini juga merupakan usaha berterusan MBM dalam mendekati anak-anak muda di institusi Beraja di negara kita.

MBM-YBM bincang agenda pembangunan belia



Pertemuan berkala Presiden MBM bersama YB Menteri menjadi platform terbaik bagi memastikan segala perancangan dan program yang dilaksanakan berjalan seiring dengan hala tuju agenda pembangunan belia negara.

KUALA LUMPUR 2 Dis – Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan sesi perbincangan strategik bersama Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh di Parlimen Malaysia. Perbincangan bertujuan memperkukuhkan agenda pembangunan belia serta mendapatkan maklum balas terkini mengenai pelbagai inisiatif belia di peringkat nasional.

Antara topik yang dibentangkan ialah perkembangan program-program utama seperti Rakan Muda, kepengerusian ASEAN Malaysia, serta pelaksanaan program bantuan banjir.

MBM turut berkongsi usaha yang sedang giat dilaksanakan bagi memastikan keperluan dan suara golongan belia terus diangkat dan diberi perhatian sewajarnya.

MBM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri atas komitmen padu dan sokongan konsisten terhadap MBM dan badan-badan gabungan dalam memacu agenda transformasi belia Malaysia.

Kunjungan hormat MBM-MENPORA Indonesia

JAKARTA 1 Nov - Dalam rangka memenuhi jemputan sebagai panel Islamic Economy Youth Forum 2024 anjuran Bank Indonesia dan OIC Youth Indonesia, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) mengambil peluang mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia, Bapak Ario Bimo Nandito Ariotedjo.

Dalam pertemuan ini, MBM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bapak Dito atas pelantikan semula beliau

sebagai Menpora Indonesia dalam Kabinet Merah Putih 2024-2029. Kunjungan ini juga mencerminkan hubungan erat dan persaudaraan serumpun antara Malaysia dan Indonesia yang terus kukuh. Turut disentuh dalam perbincangan adalah program-program kolaborasi yang bakal menyatukan aspirasi belia Malaysia-Indonesia, terutama melalui inisiatif Malindo yang telah menjadi platform kerjasama serantau yang erat.



MBM dapatkan respon PLKN 3.0

KUALA LUMPUR 15 Julai - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan bagi membincangkan isu berkaitan Program Latihan Khidmat Negara 3.0 (PLKN) yang akan dilaksanakan kerajaan mulai tahun hadapan.

Pertemuan diketuai Exco MBM, Sdr. Ahmad Farhan Rosli merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perundangan, Advokasi dan Hal Ehwal Parlimen.

YB Timbalan Menteri dalam ucapannya memaklumkan pihak Kementerian terbuka dan mengalu-alukan penglibatan semua pihak dalam libat urus program PLKN 3.0 ini bagi memastikan pelaksanaan kali ini lebih berkesan dan mencapai matlamat.

Kunjung hormat MBM kepada Ketua Pengarah JBSN yang baharu

PUTRAJAYA 22 Nov - Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, Puan Azura Abidin di Menara KBS. Delegasi MBM diketuai Timbalan Presidennya, Sdr. Mohd Fairos Rusli dan Setiausaha Agung MBM, Sdr. Hasnul Haniff Harun.

Tentunya pertemuan ini membawa hasrat badan induk pertubuhan belia ini untuk memperkukuhkan hubungan strategik yang sedia terjalin di antara KBSMalaysia khususnya melalui JBSN dalam program pembangunan belia.



Timbalan Presiden MBM menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pengarah JBSN yang baharu, Puan Azura Abidin di Menara KBS

Misi Bantuan Banjir MBM-Badan gabungan

MISI BANTUAN BANJIR - Majlis Belia Malaysia dan badan gabungannya telah menggerakkan beberapa misi bantuan mangsa banjir dan pasca banjir ke negeri-negeri terbabit dengan musibah ini. Misi awal melibatkan agihan bantuan makanan (ready to eat), kit kebersihan, pakaian dan lampin bayi. Manakala misi pasca banjir melibatkan kerja-kerja pembersihan rumah-rumah mangsa, sekolah, balairaya dan lain-lain.

MBM juga telah menyumbangkan set waterjet kepada Majlis Belia Negeri Kedah, Majlis Gabungan Belia Kelantan, Majlis Belia Negeri Terangganu dan Majlis Belia Negeri Johor bagi kemudahan operasi pembersihan.

MBM merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pimpinan pertubuhan belia, sukarelawan, mahasiswa serta belia-belia yang telah bersama dalam membantu misi bantuan pasca banjir ini.



Semoga kehadiran sukarelawan ini mampu meringankan beban penduduk kampung dalam proses mengembalikan kehidupan seperti sedia kala



Pembelajaran dan aplikasi kemahiran ini bukan sahaja untuk pengurusan bencana tetapi juga agenda keselamatan dan perpaduan negara

Sekolah Sukarelawan MYVOC persiap belia dengan ilmu kemahiran

DALAM mempersiapkan sukarelawan yang berilmu dan berkemahiran, Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan melalui Rakan Muda dan badan-badan gabungan MBM telah menjayakan Program Sekolah Sukarelawan Komuniti Belia Malaysia (MYVOC) yang diadakan diperingkat gabungan masing-masing.

Program dua hari ini berbentuk bengkel asas mengumpulkan sukarelawan belia berbilang etnik untuk melengkap mereka dengan kemahiran, kesedaran dan kefahaman menghadapi situasi sebelum, semasa dan selepas bencana.

Antara slot yang dikongsikan ialah asas pertolongan cemas, pengendalian radio amatur, simulasi dan tatacara pengurusan bencana, bantuan sokongan OKU dan bantuan psikologi dan Water, Sanitation & Hygiene (WASH).



Program Komuniti Rakan Prihatin Volunteer Meet sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa

VOLUME 2024

Sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa yang disambut 5 Disember setiap tahun, Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan di bawah Rakan Muda meraikan dan mengumpulkan sukarelawan belia melalui Program Komuniti Rakan Prihatin 'Volunteer Meet' di 18 lokasi di seluruh negara yang digerakkan oleh Badan-badan Gabungan MBM melibatkan pelbagai aktiviti komuniti setempat.

Program berbentuk khidmat komuniti ini melibatkan sukarelawan belia dan komuniti setempat dalam melaksanakan kerja-kerja seperti gotong-royong, aktiviti di rumah ibadat, menyantuni warga emas, gelandangan, tanam pokok dan sebagainya.



Persidangan Sukarelawan Belia Siswa Kebangsaan 2024

DENGKIL 7 Dis - Buat julung-julung kalinya Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan melalui Rakan Muda telah menganjurkan Persidangan Sukarelawan Belia Siswa Kebangsaan 2024 bertemakan "Sukarelawan Belia Siswa: Menggerak Arus Kepimpinan 30" bertempat di Paya Indah Wetland, Dengkil.

Persidangan dirasmikan Encik Syamsul Tahrin Mohd Tahir, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda manakala penutup pula disempurnakan oleh Presiden MBM, Sdr. Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid.

Persidangan yang diadakan sempena sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini bertujuan memperkukuh-

kan semangat sukarelawan dalam kalangan belia siswa, sambil menyediakan peluang untuk berkongsi pengalaman, idea dan ilmu.

Seramai 137 orang ahli persidangan terdiri daripada kepimpinan belia di bawah gabungan MBM dan mahasiswa institusi pendidikan tinggi awam seluruh negara.

Program ini diuruskan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung di bawah kendalian Sdr. Firdaus Baharuddin.

Presiden MBM juga menerima Resolusi hasil persidangan ini untuk dibawa ke peringkat Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) akan datang dengan matlamat memperkasa sukarelawan.

"MBM akan memastikan agar persidangan ini bukan yang terakhir. Kita juga bercadang untuk mengemukakan kepada kerajaan agar Hari Sukarelawan disambut diperingkat Kebangsaan", ujar beliau.



Festival Tarian Tradisional MBM-MAHB Edisi ke-4

SEPAANG 13 Jan - Dr. Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berkata, penganjuran Festival Tarian Tradisional Kreasi Joget & Zapin Terbuka Malaysia @ KLIA 2024 dapat memastikan setiap program yang dilaksanakan memberi nilai tambah dan impak positif kepada masyarakat dalam kesiagaan kita ke arah Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Beliau hadir mewakili YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ke Festival Tarian Tradisional Kreasi Joget & Zapin Terbuka Malaysia @ KLIA 2024. Festival ini merupakan anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Festival Tarian Tradisional Kreasi yang kini memasuki edisi ke-4 ini menggalakkan lagi promosi pelancongan dan seni budaya melalui KLIA yang amat penting sebagai Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).



MBM rai pimpinan belia Hindu sempena Deepavali

KUALA LUMPUR 27 Okt - Sempena perayaan Deepavali baru-baru ini, Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengadakan Majlis Minum Petang bersama Kepimpinan Belia India dari Badan-Badan Gabungan MBM bagi meraikan rakan-rakan pimpinan belia beragama Hindu bertempat di Restoran Spice Garden, Brickfields.

Majlis ini dihadiri pemimpin utama pertubuhan belia India antaranya Presiden Majlis Belia Hindu, Sdr. Ananthan Subramaniam; Presiden MIYC Kebangsaan, Sdr. Dhanesh Basil; Presiden Majlis Kelab Bell Belia Tamil, Sdr. Murugan Maniam bersama ahli-ahli kepimpinan masing-masing.

Presiden MBM, Sdr. Mohd Izzat Afifi Hj Abd Hamid dalam ucapannya berharap kepimpinan sedia ada terus menabur khidmat bakti kepada komuniti masing-masing dan dalam masa sama mengekalkan silaturahmi (hubungan) yang terjalin.



MoU MBM-GMAT Perlindungan Insuran Rahmah untuk belia

KUALA LUMPUR 24 Sep - Majlis Belia Malaysia (MBM) dan GMAT Sdn Bhd telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memberi pendedahan kepada golongan belia tentang kepentingan menyediakan perlindungan diri seperti Insuran Rahmah melalui sistem dalam talian.

Hadir mewakili MBM menandatangani MoU tersebut, Sdr. Mohd Izzat Afifi Hj Abdul Hamid, Presiden MBM bersama Encik Marimutu, CEO GMAT Sdn Bhd bertempat di Sri Hartamas.



Sekolah Alam

sempena Hari Sukarelawan Belia Kebangsaan 2024

DENGKIL 8 Dis - Sempena sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa, Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan melalui Rakan Muda telah menganjurkan program 'Sekolah Alam' bagi menyantuni anak muda yang meminati aktiviti rekreasi dengan menfokuskan kepada 'climate awareness' menerusi pendekatan santai seperti elemen terapi alam, survival skill, penjagaan, pemuliharaan alam sekitar dan amalan 'good camper attitude'.

Seramai 100 orang belia mahasiswa daripada institusi pendidikan tinggi dari seluruh negara telah menjayakan program yang berlangsung di Gamuda Cove.

Program ini diisi dengan sesi perkongsian bersama Pempengaruh, John Bear dan Kem Komandan, Kem Mergong, Encik Afandi; taklimat pengurusan bencana dan kerja sukarela daripada Pegawai Seksyen Pembangunan Sosial dan Komuniti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Pengarah Eksekutif Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Penutup program dilakukan oleh Sdr. Ibnu Isa, Exco MBM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesukarelaan dan Belia Mahir. Semoga adik-adik mendapat suntikan semangat baru dalam menyemarakkan kesukarelaan sama ada diri sendiri mahupun orang lain.



Tanam 2,030 anak pokok bakau! JCI sahut usaha pulihara alam sekitar!

DALAM usaha memulihara alam sekitar dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), JCI Kuala Lumpur Mandarin (JCIKLM) dan Islamic Relief (IR) Malaysia serta beberapa pertubuhan belia telah berganding bahu menjalankan Program Penanaman Bakau di Pantai Kelanang, Banting, Selangor.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dan sebanyak 2,030 anak pokok bakau ditanam di kawasan pesisir pantai. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengatasi kesan perubahan iklim dan melindungi habitat di kawasan pesisir pantai. Penanaman anak pokok bakau ini diadakan dalam satu program khas melibatkan sukarelawan daripada organisasi terlibat bersama ahli komuniti setempat.



Karnival Sukan Belia Pulau Pinang

NIBONG TEBAL 30 Jun - Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dan badan gabungannya telah mengadakan Karnival Sukan Belia yang berlangsung di Nibong Tebal.

Antara aktiviti yang diadakan adalah kejohanan sepak penalti, kejohanan perpaduan e-sukan, pertandingan sukan tradisional, larian, futsal, pertandingan karom dan badminton.

Hadir merasmikan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ialah YB Fahmi Zainol, Exco Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan Negeri Pulau Pinang; YB Daniel Gooi Zi Sen, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Hadir sama YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri.

Fiesta Belia Merdeka 2024: semarak patriotisme dan kreativiti belia

KUALA LUMPUR 8 Sep – Fiesta Belia Merdeka 2024 telah berlangsung dengan meriahnya bertempat di Dataran Merdeka di sini. Acara ini dianjurkan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan NGO belia, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pusat Belia Antarabangsa, KL Care dan Majlis Belia Wilayah Persekutuan (MBWP).

Fiesta ini bertujuan memperkukuhkan semangat patriotisme di kalangan belia khususnya mereka yang tinggal di bandar di samping memupuk kepimpinan dan kesedaran sosial.



Acara ini juga menyediakan platform bagi belia untuk mempamerkan bakat dan kemahiran mereka melalui pelbagai aktiviti sepanjang hari tersebut.

Why Malaysia Needs A National Mediation Centre



MEDIATION is not a new means of alternative dispute resolution in Malaysia. It is commonly used in court cases where physical or online mediation is proposed to settle the case outside of court.

Recent applications of mediation in Malaysia can be seen in two non-conventional models: first, the COVID-19 Mediation Centre (PMC-19), resolving disputes related to the inability to perform contractual obligations due to the Movement Control Order (MCO); and second, the Strata Community Mediation Centre, addressing issues not covered by the Strata Management Act 2013 among residents of high-rise buildings in Kuala Lumpur.

There is also an existing mediation model involving collaboration between government agencies and local communities. As of 7 December 2023, there were 564 community mediators under the Department of National Unity and Integration (JPNIN) to resolve conflicts and preserve harmony at the community level.

The Minister of National Unity, YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang, announced on 17 April 2024 that four new Community Mediation Centres (CMCs) will be established through the Department of National Unity and Integration (JPNIN) in Putrajaya, Melaka, Perlis, and Negeri Sembilan in 2024, in addition to the four centres established in Penang, Kuala Lumpur, Perak, and Johor in 2023. These centres aim to resolve conflicts at the community level by offering pro-bono mediation services, providing advisory and counselling services, and promoting mediation through programmes and activities.

There are also plans to establish a unity complex offering mediation services and to strengthen the role of Community Mediators through improved qualifications, competency standards, and amendments to the Rukun Tetangga Act 2012. These developments highlight the increasing recognition of the importance of mediation in resolving

conflicts among Malaysia's diverse communities, justifying the establishment of a National Mediation Centre to consolidate and streamline efforts, ensuring equitable access to conflict resolution services nationwide.

Why mediation is important

Mediation empowers conflicting parties to achieve mutual compromises outside the judicial system, guided by skilled mediators. It provides adaptable approaches suited to urgency and consensus-building on outcomes. While punitive measures are necessary for severe conflicts, community-focused mediation proves exceptionally effective in early-stage disputes, prioritising restoration and consensus over escalation.

Following Malaysia's 2018 general election, the surge of far-right groups exploiting ethno-religious nationalism intensified intergroup conflicts. This trend persists post-2022, with far-right politicians, NGOs and influencers leveraging digital platforms and AI-generated content to propagate divisive narratives. Such provocations risk undermining social cohesion and escalating tensions.

Controversies over Jawi calligraphy, religious language and symbols like the use of 'Allah' word highlight missed opportunities for mediated resolutions, which could prevent prolonged disputes and unilateral actions.

Mediation offers advantages such as contextual understanding, collaborative solutions, resource efficiency, and mitigation of public pressure fuelling discord. Establishing a National Mediation Centre is imperative amidst escalating far-right influences and digital challenges promoting online extremism and hatred.

Mediation challenges

However, mainstream mediation as an alternative dispute resolution in Malaysia faces several significant

challenges.

Firstly, professional mediation services offered by entities like the Asian International Arbitration Centre and International Centre for Arbitration and Mediation are prohibitively expensive, primarily catering to international and domestic cases.

Secondly, there is an insufficient pool of community mediators, consisting of only 163 officers from the Department of National Unity and Integration, 379 Rukun Tetangga Community (KRT) committee members, and 22 non-governmental organisations (NGOs) providing free mediation services for the entire national population.

Thirdly, the concept of mediation as a viable career option remains underdeveloped in the country. Although the Ministry of National Unity is considering establishing an accreditation body, progress is slow.

While mediation may not be suitable for all inter-religious disputes, as highlighted by the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST) regarding its appropriateness in interfaith custodial disputes, it could greatly benefit various ongoing issues that do not involve interpretations of the Federal Constitution or sensitivities related to religion, race, and royalty or '3R'. For example, local disputes between Muslims and non-Muslims, ongoing boycotts, and conflicts between educational institutions and student bodies could all benefit from mediation.

The practice of mediation must be further explored in Malaysia despite these challenges. It can supplement the Ministry of National Unity's role, which lacks enforcement powers to intervene promptly in escalating 3R issues, and prevent knee-jerk punitive measures by other ministries and agencies with enforcement powers, such as the Ministry of Home Affairs and the Ministry of Communications. These agencies

often resort to punitive actions under laws like the Sedition Act 1948, Printing Presses and Publications Act 1984, Police Act 1967, Penal Code, and Communications and Multimedia Act 1998, which may exacerbate conflicts.

Policy recommendations

To effectively mainstream mediation in Malaysia, the following steps are crucial:

1) Malaysia needs to establish a National Mediation Centre. This centre will coordinate efforts among ministries, the private sector, local authorities, legal institutions, elected officials, educational institutions, and civil society organisations. By pooling resources and expertise, these entities can enhance mediation efforts nationwide. The centre will oversee a centralised dashboard to monitor mediation progress, including publications, projects, training, accreditation, communication, engagement, and public awareness. This aligns with Goal 16 of the Sustainable Development Goals (SDGs) under the National SDG Centre.

2) The Ministry of National Unity should partner with the private sector and civil society organisations to secure funding and implement mediation training. Expanding the pool of mediators to include specialists from various fields will significantly enhance mediation efforts. Potential mediators should be recruited from community-based individuals, including student representatives, members of the Rukun Negara Club or Secretariat, youth and faith-based organisations, city councillors, the Royal Malaysian Police, Members of Parliament, State Assemblypersons, teachers, retired armed forces or police personnel, and human resource professionals.

3) Mediators must receive comprehensive training, accreditation, reskilling, and upscaling, mirroring the standards applied to current community mediators under JPNIN. Training should be tailored to specific fields and environments. For example, the Malaysian Youth Council (MBM) could train mediators within its youth organisations. JPNIN should overhaul the accreditation framework and introduce a Continuing Professional Develop-

ment (CPD) model to categorise mediators into different levels based on their competence, experience, and contributions.

4) The Ministry of National Unity should enhance the current database of Rukun Tetangga areas and community mediators to establish a centralised dashboard. This dashboard should display the number of available mediators, reported cases, and the mediation's effectiveness in preventing conflict escalation. Enabling stakeholder access to this database will facilitate the creation of social media posts, research papers, videos, documentaries, and other formats to promote successful mediation stories and assess practices. This collaborative effort will highlight crucial indicators, including mediation coverage, knowledge, attitudes, practices, and identified gaps.

5) Government and private media outlets such as BERNAMA, AWANI, and RTM should develop multimedia documentaries and impactful campaigns to advocate for mainstream mediation. Interfaith organisations and communities should play an active role in supporting these efforts. The Rukun Negara Club and Secretariat should organise experience-sharing sessions involving current mediators. Educational institutions must incorporate mediation into their curriculum or co-curriculum. Other stakeholders should host conferences, workshops, town halls, and similar activities to promote mediation, leveraging their respective capacities and expertise.

6) In terms of policy frameworks, although the National Unity Action Plan (2021-2025) does not explicitly include mediation, further empowerment and professional accreditation of mediation practitioners through amendments to the Mediation Act 2012 and Rukun Tetangga Act 2012 must be explored by relevant ministries. Future National Unity Action Plans must clearly outline the objectives and stakeholders involved in mainstreaming mediation. Additionally, efforts must continue to integrate mediation into the upcoming National Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism (NAPPCVE), known as MyPCVE, to promote national harmony and security against violent extremism tendencies.

Mainstream mediation must be prioritised nationally in our volatile environment, marked by widespread misinformation and the rising threat of far-right extremism. Effectively addressing these challenges is crucial to preventing the escalation of tensions and conflicts. Despite its imperfections, mediation offers a practical pathway to pause, reflect, understand diverse perspectives, and promote collective peace.

EOW SHIANG YEN

- Executive Committee of the Malaysian Youth Council
- Researcher at Initiative to Promote Tolerance and Prevent Violence (INITIATE.MY)
- General Secretary of Young Buddhist Association of Malaysia





Bengkel Pemurnian Perlembagaan Pertubuhan Belia

SUBANG JAYA 29 Dis - Dalam mempersiapkan pertubuhan belia menuju transisi kepimpinan belia 2026, Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Pemurnian Perlembagaan Pertubuhan Belia bersama 95 buah Majlis Belia Daerah (MBD) di Grand Dorsett Subang.

Majlis penutup disempurnakan oleh Encik Mohd Ezwandy Ismail, Pengarah Cawangan Pembangunan Kepimpinan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) yang mewakili Ketua Pengarahnya.

Terdahulu pada sesi rangkuman, Presiden MBM membentangkan pencapaian MBM sepanjang sesi 2022-2024 dengan pelbagai inisiatif, pelaksanaan program-program selain perancangan MBM ke hadapan.

Antara pengisian bengkel dua hari ini ialah taklimat Empowering Youth Malaysia (EYM) oleh Reskills Malaysia, Tatakelola Audit Pertubuhan oleh Syarikat Above Ace Accounting Sdn Bhd, Transisi Kepimpinan Belia 2025 oleh Sdr. Hasnul Fairuz, Taklimat Pendaftar Pertubuhan Belia oleh Encik Hasnata Hasan dan Pembentukan Perlembagaan.

Slot pembentukan perlembagaan dikendalikan Sdr. Ahmad Farhan Rosli; Exco MBM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Khas Perundangan dan Hal Ehwat Parlimen MBM.

Hasil dapatan daripada pembentukan perlembagaan ini akan dimurnikan dan diangkat dalam Dewan Tertinggi MBM yang akan berlangsung pada Januari 2025 nanti.





Pelajar bidang kejuruteraan universiti India lawati MBM

KUALA LUMPUR 24 Julai - Seramai 22 orang pelajar dari India telah melawat Majlis Belia Malaysia di Wisma MBM. Kesemua pelajar terbabit merupakan penuntut di sebuah universiti di Chennai, India dan menjalani prasiswazah dalam bidang kejuruteraan.

Presiden MBM, Sdr. Mohd Izzat Afifi Hj Abdul Hamid hadir meraikan tetamu ini.

Kunjungan ini diaturkan oleh MIYC Kebangsaan – மலேசிய இந்தியர் இளஞ்ஞர் மன்றம்.



Kunjungan delegasi Commonwealth Secretariat ke MBM

KUALA LUMPUR 23 April - Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini telah menerima kunjungan daripada delegasi Commonwealth Secretariat bertempat di Wisma MBM di sini. Delegasi seramai 20 orang ini diketuai oleh Mr. Sushil Ram, Programme Manager Commonwealth Secretariat disambut Naib Presiden MBM, Sdr. Mohamad Khairul Azman Abdul Azeez.

Delegasi belia Korea Selatan lawat MBM

KUALA LUMPUR 31 Julai – Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini telah menerima kunjungan delegasi Belia Korea Selatan bagi Program Pertukaran Belia Malaysia – Korea Selatan 2023 bertempat di Wisma MBM di sini.

Delegasi seramai 20 orang berumur di antara 14 hingga 20 tahun terlibat dalam program silang budaya ini yang bertemakan “Economic Development (Youth Entrepreneurship)”.



Ziarah kasih sempena Ulang Tahun MBM ke-76

KUALA LUMPUR 23 Julai - Sempena ulang tahun Majlis Belia Malaysia (MBM), Presiden MBM dan Setiausaha Agung MBM telah mengadakan ziarah kasih kepada mantan kepimpinan MBM sesi 1974-1976, Encik Abdul Halim Abdullah di kediaman beliau di Desa Pandan.

Beliau merupakan Setiausaha Agung MBM di era kepimpinan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden MBM ketika itu

2025 Tahun penting pergerakan belia

Berkuatkuasanya Pindaan AKTA 668 bermula 1 Januari 2026 (369 hari +/-)

Persiapan ke Arah Transisi

- ▶ Sidang Meja Bulat antara Kementerian Terkait Pindaan Akta 668;
- ▶ Mesyuarat Bersama 3 Kementerian, KBS, KPT & KPM Bersama MBM Berkaitan Program Belia Masuk Sekolah;
- ▶ Sidang Meja Bulat Hala Tuju Belia 30-40 di Malaysia;
- ▶ Laporan penuh persiapan Belia Malaysia ke arah Transisi Had Umur 30 Tahun.

Memastikan Kelangsungan Kepimpinan Pergerakan Belia



Program Transisi Kepimpinan MBM



Program Penghakupayaan Program MBM-MBD

Transisi Kepimpinan Belia

Kali terakhir dilaksanakan ialah 'MBM in Business' (2017-2018)



Program Transisi Kepimpinan MBM

▶ RM1Juta Dana pelaksanaan



Program Belia Masuk Sekolah Generasi Madani


▶ RM200,000 Dana pelaksanaan. Bermula Januari 2025, Maksimum RM3,000 setiap MBD

Kepengerusian ASEAN di Malaysia 5 Program Utama



Let's Talk ASEAN

12 series podcast that focuses on ASEAN



This is My ASEAN

ASEAN Community Awareness Through Films



ASEAN On The Move

A roadshow around Malaysia to increase awareness about ASEAN institution and the ASEAN Community



ASEAN Future Youth Forum

Carries four core topics : Youth in AI; Digital gap & advanced technology; Ai & regional security; Regulating AI



MBM-CAYC (Colour of ASEAN)

A cultural festivity where we celebrate the rich diversity that exist in the ASEAN region



MBM-CAYC (ASEAN Youth Economic Forum)

All things economics, trade, and entrepreneurship for the youth to gain insights, bring forth their concerns, and learn from industry players